

Always Act with Integrity

Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan



Mitsubishi Electric Group

Kod Tatalaku



MITSUBISHI ELECTRIC CORPORATION

Jadual Kandungan

Kod Tatalaku Kumpulan Mitsubishi Electric

Pesanan Pemimpin Tentang Pematuhan	2
Sistem Falsafah Korporat dan Kod Tatalaku	3
Pengenalan	5
Apakah Maksud Pematuhan kepada kita?	6
Moto Pematuhan	7
Soalan-soalan untuk Menguji Integriti	8
Tanggungjawab Pegawai dan Pekerja dalam Menggalakkan Pematuhan	9
Kesan-kesan Pelanggaran	11
Apabila anda Menyedari Pelakuan Pelanggaran – Laporkan	11
Struktur Penggalakkan Pematuhan Kumpulan Mitsubishi Electric	12
Standard Undang-undang dan Etika	13
Menghormati Pelanggan, Pengguna dan Rakan Perniagaan	14
Pematuhan Kontrak	14
Jaminan dan Kualiti Produk dan Perkhidmatan	15
Persaingan Saksama	16
Rasuah dan lain-lain Hadiah yang Tidak Sesuai dan Larangan Keraian	17
Perlindungan Data Peribadi	18
Perlindungan Maklumat Korporat Sulit	19
Pengiklanan Telus	20
Pembinaan Perhubungan Awam	21
Perlindungan Harta Intelek	22
Urus niaga Adil dengan Rakan Perniagaan dan Pembekal	23
Menghormati Pemegang Saham	24
Penzahiran Maklumat Perniagaan dan Prosedur Perakaunan	24
Larangan Dagangan Orang Dalam	25
Perlindungan Aset Syarikat dan Penghindaran Konflik Kepentingan	26
Menghormati Pekerja	27
Menghormati Hak Asasi Pekerja	27
Penggajian Pekerja secara Saksama	28
Menghormati Masyarakat	29
Tanggungjawab dan Aktiviti sebagai Warga Korporat	29
Menghormati Hak Asasi Manusia	30
Pemuliharaan Alam Sekitar	31
Kawalan Import dan Eksport	32
Penentangan Gerakan Antisosial and Pencegahan Pengubahan Wang Haram	33
Penutup	34

Pesanan Pemimpin Tentang Pematuhan

Rakan sekerja yang dihormati,

Nilai pegangan kita yang dikongsi bersama oleh semua ahli Kumpulan Mitsubishi Electric mengisyiharkan bahawa "kita bertindak dengan standard etika yang tinggi serta mematuhi undang-undang dan norma masyarakat".

Berdasarkan Nilai yang dipegang ini, setiap orang harus memikul sepenuhnya tanggungjawab untuk mematuhi etika dan pematuhan yang membentuk asas untuk syarikat terus kekal dalam perniagaan, dan kita tidak akan terlibat dalam tatalaku yang menyalahi etika dan pematuhan, dan sentiasa berintegriti dalam bertindak.

Namun begitu, dalam beberapa tahun baru-baru ini, Kumpulan Mitsubishi Electric menghadapi beberapa insiden salah laku berkaitan kualiti serta situasi lain yang boleh mengakibatkan kita kehilangan kepercayaan pihak berkepentingan yang kita bina bertahun-tahun lamanya. Setiap ahli pasukan pengurusan utama, termasuk diri saya sendiri mesti memandang serius insiden salah laku yang berlaku ini.

Bagi memastikan Kumpulan Mitsubishi Electric berupaya maju secara mapan, kita mesti bekerja keras demi memupuk budaya korporat yang mendorong kita supaya sentiasa "melakukan perkara yang betul" dengan tekad dan semangat yang berkobar-kobar untuk melakukan perubahan demi masa depan yang lebih baik. Jika tempat kerja anda masih mempunyai pemikiran atau budaya yang mengutamakan untung dan kecekapan dan bukan pematuhan, sila bertindak untuk mengubahnya serta-merta.

Ketika anda bekerja setiap hari, jika anda mempunyai keraguan atau tidak selesa dengan tindakan anda ataupun amalan jabatan atau tempat kerja anda, sila segera dapatkan nasihat daripada pengurus anda atau jabatan yang bertanggungjawab menjaga pematuhan. Selain itu, mereka yang memegang jawatan pengurusan dan penyeliaan, anda mesti memupuk budaya tempat kerja yang menggalakkan orang bawahan anda mendapatkan nasihat anda tanpa sebarang keraguan, dan mengambil tindakan yang serius untuk membetulkan masalah yang diajukan oleh mereka yang meminta nasihat anda.

Kumpulan Mitsubishi Electric memiliki sejarah yang berabad lamanya. Bagi membantu merealisasikan masyarakat yang bertenaga dan mapan pada 100 tahun akan datang, mari kita bekerjasama, dengan semangat perubahan yang sentiasa membara di dalam jiwa raga kita, bagi mencipta Kumpulan Mitsubishi Electric baharu yang mempunyai maruah yang melimpah ruah dan etika yang kukuh.


Kei Uruma
Presiden & CEO



Sistem Falsafah Korporat dan Kod Tatalaku

Sistem Falsafah Korporat (Tujuan, Nilai Pegangan Kita, Iltizam)

Tujuan

Kita di Kumpulan Mitsubishi Electric, akan menyumbang dalam merealisasikan masyarakat yang bertenaga dan mapan melalui inovasi teknologi dan daya cipta berterusan.

Nilai Pegangan Kita

Keyakinan

Kita membina hubungan berdasarkan keyakinan bersama yang kukuh dengan semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat, pelanggan, pemegang saham, pembekal, dan pekerja yang bekerja bersama.

Kualiti

Kita memastikan kepuasan masyarakat dan pelanggan dengan memberi produk dan perkhidmatan berkualiti terbaik.

Teknologi

Kita menyediakan untuk masyarakat nilai baharu dengan mempertingkatkan teknologi dan keupayaan di lapangan.

Etika dan Pematuhan

Kita bertindak dengan standard etika tinggi dan mematuhi undang-undang dan norma masyarakat.

Kemanusiaan

Kita mengutamakan kesihatan dan keselamatan, menggalakkan kepelbagai dan menghormati keperibadian dan hak asasi manusia.

Alam Sekitar

Kita berusaha untuk melindungi dan menambah baik alam sekitar global, yang secara langsung mewujudkan keharmonian dengan alam semula jadi.

Masyarakat


Kita menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih baik sebagai warga korporat.

Iltizam

Changes for the Better

“Perubahan ke arah Lebih Baik” menggambarkan sikap Kumpulan Mitsubishi Electric untuk “sentiasa berusaha menghasilkan sesuatu yang lebih baik”, sambil kita secara berterusan berubah dan berkembang. Setiap daripada kita berkongsi tekad dan semangat yang kuat untuk terus mencipta perubahan, mengukuhkan iltizam kita demi mencipta “esok yang lebih baik”.

Hubungan antara Sistem Falsafah Korporat dan Kod Tatalaku



Kod Tatalaku Kumpulan Mitsubishi Electric adalah satu kod tatalaku seragam yang menggabung dan meringkaskkan undang-undang dan peraturan dan norma masyarakat untuk dipatuhi dan dihormati oleh setiap pekerja Kumpulan Mitsubishi Electric dalam melaksanakan urusan perniagaan demi merealisasikan dan mengamalkan Tujuan, Nilai pegangan dan Iltizam Kita.



Pengenalan



Apakah Maksud Pematuhan kepada kita?

Di Kumpulan Mitsubishi Electric, pematuhan bermaksud menegakkan standard etika tinggi dan mematuhi undang-undang dan norma masyarakat dalam meraih kepercayaan pihak berkepentingan kita termasuk pelanggan, pengguna, rakan perniagaan, pemegang saham, pekerja dan masyarakat.

Kita boleh meneruskan perniagaan kita hasil daripada keyakinan pihak berkepentingan kita yang telah terjalin melalui sejarah 100 tahun yang lama ini sejak penubuhan kita pada tahun 1921 di Jepun.

Ketakpatuhan adalah apa-apa tindakan yang meruntuhkan kepercayaan pihak berkepentingan kita dan hasilnya, meruntuhkan asas perniagaan kita. Jika asas perniagaan kita dilemahkan, kewujudan Kumpulan kita akan terjejas. Justeru, menghayati pematuhan adalah asas untuk Kumpulan bagi kekal dalam dunia perniagaan.

Pematuhan oleh Setiap Orang dalam Kalangan Kita

Jika anda berpendapat bahawa pematuhan hanya mematuhi peraturan, maka anda belum memahami konsep ini sepenuhnya.

Untuk memahami erti pematuhan kepada kita, setiap daripada kita harus secara proaktif dan dengan inisiatif sendiri menentukan cara kita boleh meraih keyakinan pihak berkepentingan kita, dan bertindak dalam cara itu.



Always Act with Integrity

Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan

“Always Act with Integrity” (Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan) akan menjadi moto untuk semua pegawai dan pekerja syarikat dalam Kumpulan Mitsubishi Electric. Integriti bermaksud tekad dan sikap kental yang berterusan dalam melakukan perkara yang betul dan memiliki ciri-ciri keperibadian seperti berlaku adil, bersikap jujur, ikhlas, mengambil tanggungjawab untuk perilaku sendiri dan menghormati orang lain. Apabila anda melaksanakan kerja harian anda, selalulah bertanya pada diri anda, “Adakah saya berintegriti dalam tindakan saya?”, serta renungkan kembali tindakan dan keputusan anda. Dalam beberapa keadaan, terutamanya apabila anda berdepan dengan masalah, anda mungkin tergerak untuk berfikir bahawa “Ketakpatuhan yang kecil tidak akan menimbulkan sebarang masalah”; “Ketakpatuhan ini tidak akan diketahui” dan “Perbuatan ini adalah salah tetapi semua orang melukukannya”. Apabila anda tergerak dan mempunyai kecenderungan untuk menuju ke jalan yang salah, ingatlah moto ini “Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan”.

Jika anda tidak yakin sama ada tindakan atau keputusan anda betul, tanyakan soalan berikut kepada diri anda.

Jika anda tidak dapat menjawab "Ya" dengan pasti kepada semua yang berikut, bererti tindakan atau keputusan yang anda pertimbangkan untuk lakukan atau ambil berkemungkinan tidak betul dan mempunyai kesan yang serius. Oleh itu, jangan bertindak, membuat keputusan atau risau mengenainya seorang diri, tetapi berbincanglah dengan penyelia anda, jabatan undang-undang, jabatan pematuhan atau bahagian Korporat / Ketua Pegawai Pematuhan, dsb. Jika anda boleh menjawab "Ya" dengan pasti untuk semua soalan ini, sila teruskan dengan keyakinan.

Soalan-soalan untuk Menguji Integriti

1

Adakah tindakan atau keputusan anda sejajar dengan undang-undang dan peraturan, peraturan dalaman, syarat kontrak atau Kod Tatalaku ini?



2

Bolehkah anda beritahu keluarga dan rakan anda mengenai tindakan atau keputusan anda tanpa berasa malu?



3

Adakah anda berbangga dengan tindakan atau keputusan anda jika dilaporkan kepada media massa atau media sosial?



4

Adakah tindakan atau keputusan anda memberi lebih keutamaan kepada pematuhan berbanding pertimbangan lain, contohnya, keuntungan dan kecekapan?



5

Bolehkan anda secara wajar dan jujur mempertahankan tindakan atau keputusan anda tanpa perlu memberi alasan seperti, "Hal itu hanya perkara kecil, tidak akan ada sebarang masalah"; "Hal ini tidak akan diketahui"; "Saya perlu melakukannya demi syarikat"; "Hal ini telah dilakukan selama ini"; "Rakan kerja saya yang lebih lama telah melakukannya juga" atau "Saya telah diarah oleh penyelia saya"?



6

Adakah anda menilai sama ada arahan penyelia anda adalah betul menurut Kod Tatalaku ini sebelum bertindak atas arahan itu?



Tanggungjawab Pegawai dan Pekerja dalam Menggalakkan Pematuhan

■ Anda sebagai pegawai atau pekerja Kumpulan Mitsubishi Electric haruslah:

- Bertanggungjawab untuk menggalakkan pematuhan dan mengambil inisiatif mengenainya di bahagian anda dan perniagaan di bawah seliaan anda.
- Menyedari bahawa menghormati etika dan pematuhan membentuk asas syarikat untuk kekal dalam perniagaan, dan memastikan aspek pematuhan diamalkan dalam pelaksanaan semua aktiviti perniagaan.
- Menjalankan perniagaan yang mematuhi undang-undang dan peraturan, termasuk peraturan dan tatacara setiap syarikat dan Kod Tatalaku ini.
- Tidak mengejar keuntungan dan kecekapan operasi dengan mengabaikan aspek pematuhan.



■ Sebagai tambahan kepada di atas, jika anda seorang pegawai atau pekerja yang memegang jawatan dalam pengurusan dan penyeliaan, anda hendaklah:

- Memastikan berlakunya amalan pematuhan di organisasi anda sebagai ketua yang bertanggungjawab menggalakkan perkara itu.
- Mengambil inisiatif dalam melaksanakan pematuhan dan bertindak secara berintegriti sebagai contoh kepada pekerja anda.
- Memeriksa undang-undang dan peraturan, aturan dalaman, dan peraturan lain berkaitan dengan organisasi anda dan memastikan anda bukan sahaja mematuhi mereka, tetapi turut memaklumkan dan menyebarkannya secara wajar ke seluruh bahagian anda.
- Mencipta persekitaran kerja yang membolehkan pekerja anda berbincang mengenai apa-apa kemusykilan atau keimbangan tentang pematuhan tanpa teragak-agak.
- Mengambil langkah yang sesuai, seperti mengesahkan situasi dengan pihak yang berkenaan, tanpa membiarkannya begitu saja, jika anda rasa ada sesuatu yang tidak menepati kerja harian anda.
- Mengambil semua langkah yang sesuai untuk membetulkan apa-apa masalah pematuhan, termasuk melaporkan segera kepada penyelia anda, jabatan pematuhan, atau bahagian Korporat / Ketua Pegawai Pematuhan, dan jangan sekali-kali bertolak ansur atau mengabaikannya.

Kesan-kesan Pelanggaran

Apa-apa pelanggaran undang-undang dan peraturan, aturan dan prosedur dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan Mitsubishi Electric boleh menyebabkan tindakan disiplin yang merangkumi amaran dan teguran termasuk penamatian perkhidmatan berdasarkan peraturan dan dasar pelantikan yang ditetapkan oleh setiap syarikat Kumpulan Mitsubishi Electric, dsb.

Sebagai tambahan, pesalah individu juga boleh dipertanggungjawabkan untuk tuntutan sivil (kerugian, dsb) atau tanggungjawab jenayah (dipenjarakan, denda, dsb.), dan pihak syarikat juga boleh dipertanggungjawabkan untuk tindakan sivil atau jenayah, dikenakan sekatan pentadbiran, dan merosakkan kepercayaan pihak berkepentingan yang menyebabkan kesan-kesan yang nyata dan tidak nyata yang serius.

Apabila anda Menyedari Pelakuan Pelanggaran – Laporkan

Jika anda menyedari berlakunya suatu tindakan yang melanggar atau boleh menyalahi pematuhan, sila laporkan dengan segera kepada penyelia anda atau berbincang dengan penyelia anda tentang tindakan itu. Jangan abaikan tindakan itu. Bertindaklah secara betul dengan melaporkan tindakan itu. Penyelia anda yang menerima laporan itu hendaklah mendengar dengan teliti dan mengambil langkah-langkah aktif untuk memastikan kesalahan seperti itu diperbetulkan dengan berbincang bersama jabatan pematuhan atau bahagian Korporat / Ketua Pegawai Pematuhan. Sikap dan tindakan seperti membiarkan atau mengetepikan masalah itu tidak boleh dibiarkan. Jika keadaan tidak sesuai untuk anda melaporkan kepada penyelia anda, contohnya, penyelia anda adalah orang yang mungkin melanggar pematuhan atau penyelia anda membiarkan atau mengetepikan masalah itu selepas menerima laporan anda, sila laporkannya kepada jabatan pematuhan atau bahagian Korporat / Ketua Pegawai Pematuhan.

Anda juga boleh menggunakan sistem pemberi maklumat untuk memfailkan laporan, terutama sekali jika anda tidak mahu diri anda diketahui sebagai pelapor. Maklumat yang diterima melalui sistem pemberi maklumat dan siasatan dibuat dengan penuh kerahsiaan, kecuali dalam keadaan yang diperlukan dalam undang-undang. Tindakan membela dan mengugut disebabkan oleh pelaporan adalah menyalahi undang-undang dan dasar syarikat.


Perkara yang paling penting dan benar untuk dilakukan ialah melapor segera, bukan cuma berdiam diri. Keberanian anda akan menjadikan Kumpulan kita lebih baik.






Struktur Penggalakkan Pematuhan Kumpulan Mitsubishi Electric

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian terdahulu, "Tanggungjawab Pegawai dan Pekerja dalam Menggalakkan Pematuhan", semua pegawai dan pekerja Kumpulan Mitsubishi Electric bertanggungjawab untuk memastikan amalan pematuhan dalam pelaksanaan aktiviti perniagaan dan mengambil inisiatif dalam menggalakkannya dalam setiap urusan perniagaan. Sila beri perhatian bahawa menggalakkan pematuhan tidak boleh dipisahkan daripada memajukan perniagaan, dan setiap syarikat dan bahagian hendaklah melakukan inisiatif dalam menggalakkan amalan ini.

Jangan berfikir bahawa hal pematuhan hanya tanggungjawab jabatan pematuhan atau bahagian Korporat / Ketua Pegawai Pematuhan, tetapi mengambil inisiatif dalam menggalakkannya di setiap bahagian dan perniagaan di bawah seliaan anda.





Standard Undang-undang dan Etika

Menghormati Pelanggan, Pengguna dan Rakan Perniagaan

Pematuhan Kontrak

1. Kita tidak akan terlibat dalam mana-mana kontrak yang menyalahi undang-undang dan peraturan atau norma masyarakat.
2. Kita bertindak dengan niat murni ke atas kontrak yang dipersetujui oleh syarikat kita dan sentiasa mendapatkan kepercayaan rakan perniagaan kita.



Jaminan dan Kualiti Produk dan Perkhidmatan

1. Kita menyediakan produk dan perkhidmatan yang mempunyai jaminan dan standard kualiti yang tinggi, dan mematuhi keperluan undang-undang, standard industri dan spesifikasi kontrak dengan pelanggan.
2. Kita berusaha untuk menggunakan label amaran dan peringatan yang mudah difahami dan sesuai, dan menyediakan buku panduan produk untuk membantu penggunaan produk dan perkhidmatan kita secara selamat.
3. Kita secara proaktif mengumpul maklumat kecacatan produk dan perkhidmatan, dan dalam keadaan yang amat tidak berkemungkinan, sekiranya berlaku kecacatan produk, kita komited untuk mengambil tindakan pemberian dan tindakan mencegah perulangan secara bertanggungjawab, pantas dan sesuai.



Persaingan Saksama

1. Kita mematuhi semua undang-undang antitrust atau anti-persaingan yang terpakai, dan menyediakan dan memperoleh produk dan perkhidmatan secara saksama dan sesuai.
2. Apabila berada dalam kedudukan kuasa pasaran, kita tidak akan mengetepikan pesaing atau syarikat baharu dalam pasaran dengan menyalahgunakan kedudukan kita.
3. Kita tidak akan membuat perjanjian atau bertukar maklumat sensitif dengan pesaing dalam usaha untuk membataskan persaingan. Maklumat sensitif termasuk harga jualan, harga bidaan, keupayaan penjualan, keadaan penjualan, keupayaan pengeluaran atau apa-apa maklumat sensitif komersial lain yang masih belum diketahui umum. Kita tidak akan berkomunikasi dengan pesaing kita yang secara munasabah akan menimbulkan salah faham atau syak akan pelakuan anti- persaingan.
4. Kita tidak akan membuat perjanjian atau pengaturan dengan pengedar, penjual atau peniaga yang dilarang oleh undang-undang antitrust atau anti-persaingan di setiap negara atau rantau, sebagai contoh, mengekalkan harga jualan semula.



Rasuah dan Iain-lain Hadiah yang Tidak Sesuai dan Larangan Keraian

1. Di setiap negara atau rantau tempat kita berurus niaga, kita tidak akan terlibat dalam amalan rasuah dan pembayaran yang tidak sesuai lain. Jika apa-apa permintaan untuk merasuah dibuat oleh pegawai awam atau orang persendirian atau syarikat, kita menolak permintaan seperti itu.
2. Kita menggunakan pihak ketiga yang mempunyai reputasi berintegriti. Kita melantik dan mengurus ejen, pengedar, penjual, perunding dan pihak ketiga lain secara berhemah, dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan mereka tidak terlibat dengan amalan rasuah dan lain-lain pembayaran yang tidak sesuai bagi pihak kita.
3. Kita mengekalkan reputasi kita dengan memastikan hadiah, keraian, perjalanan, penajaan dan sumbangan yang diberi adalah menurut undang-undang, sah, dan munasabah dan tidak akan menimbulkan apa-apa keadaan yang menggambarkan penyelewengan.



Perlindungan Data Peribadi

Kita menghormati data peribadi, dan komited untuk mengumpul, mengguna, menyimpan dan menzahirkan data peribadi dalam cara yang selaras dengan undang-undang, adil, telus dan selamat. Kita memastikan perlindungan keselamatan disediakan untuk menghalang akses tanpa kebenaran, kebocoran, kehilangan dan pengubahan data peribadi.




Perlindungan Maklumat Korporat Sulit

1. Kita setepatnya menyediakan perlindungan keselamatan dan melindungi maklumat korporat sulit kita daripada risiko serangan siber dari luar, salah laku dalaman, dsb. Perlindungan ini meliputi maklumat dalam semua bentuk, termasuk dokumen kertas tercetak, dokumen elektronik atau dalam aplikasi dan sistem IT.
2. Kita menghormati kerahsiaan maklumat korporat sulit pihak lain. Kita mendapatkan maklumat korporat sulit pihak lain yang diperlukan dengan cara yang sah di sisi undang-undang dan secara tepat, termasuk membuat perjanjian kerahsiaan dengan syarat yang sesuai dan munasabah, dan melindungi dan menguruskannya dengan mematuhi perjanjian kerahsiaan itu.



Pengiklanan Telus

Kita memaklumkan dengan tepat kepada pelanggan dan pengguna dengan mengamalkan pengiklanan yang telus dan menghindari penggunaan penyataan yang menyalahi atau memfitnah pihak lain atau membuat penyataan yang keterlaluan, mengelirukan, memperdaya, atau palsu.



Pembinaan Perhubungan Awam

1. Kita secara aktif menyampaikan dan menzahirkan maklumat dengan kandungan, tempoh dan kaedah yang tepat agar kita meningkatkan kefahaman dan kepercayaan pelanggan, pengguna dan pemegang saham, dsb.
2. Jika berlaku kejadian yang boleh mengakibatkan kehilangan kepercayaan masyarakat awam, seperti pelanggaran undang-undang atau norma masyarakat mana-mana negara atau rantau, kita menzahirkan faktanya dalam tempoh dan cara yang setepatnya.

Perlindungan Harta Intelek

1. Kita melindungi, menyenggara dan mempertahankan ciptaan, reka bentuk produk dan pembungkusan, jenama, logo, rahsia dagangan, cara kerja, yang menjadi hasil R&D, pemasaran dan aktiviti perniagaan lain kita, melalui perlindungan harta intelek seperti paten, hak reka cipta, tanda dagangan, hakcipta terpelihara, dan menggalakkan penggunaannya secara berkesan untuk perniagaan.
2. Kita menghormati hak milik intelek yang sah dan tidak akan menceroboh hak milik pihak lain.



Urus niaga Adil dengan Rakan Perniagaan dan Pembekal

1. Kita berusaha untuk bekerja dengan rakan perniagaan dan pembekal yang merupakan warga korporat yang baik, mematuhi undang-undang, menghormati hak asasi manusia dan melindungi alam sekitar dan menyediakan bahan berkualiti dan selamat.
2. Kita komited untuk mewujudkan hubungan manfaat bersama dan mengendalikan urus niaga yang adil dan saksama bersama rakan perniagaan dan pembekal.



Menghormati Pemegang Saham

Penzahiran Maklumat Perniagaan dan Prosedur Perakaunan

1. Kita mematuhi undang-undang dan peraturan negara dan rantau tempat kita menjalankan perniagaan, termasuk peraturan dan prosedur dalaman, yang menyatakan dengan jelas "Tujuan" (falsafah korporat kita) dan dasar pengurusan kepada pihak berkepentingan, termasuk pemegang saham, dan menzahirkan maklumat syarikat dengan setepatnya, termasuk keadaan kewangan dan keadaan aktiviti perniagaan kita kepada pihak berkepentingan.
2. Kita melaksanakan prosedur perakaunan setepatnya menurut undang-undang, peraturan, aturan dalaman dan prosedur.



Larangan Dagangan Orang Dalam

Kita menyimpan maklumat bukan-awam secara sulit dan tidak akan menggunakan maklumat bukan- awam berhubung syarikat kita atau syarikat lain yang diperoleh melalui pekerjaan kita untuk kepentingan sendiri atau untuk meraih keuntungan bagi pihak lain (sebagai contoh, untuk mempengaruhi keputusan kita atau mana-mana orang untuk membeli atau menjual saham).



Perlindungan Aset Syarikat dan Penghindaran Konflik Kepentingan

1. Kita mengendali dan mengurus aset dan sumber syarikat (termasuk masa dan maklumat) sewajarnya hanya untuk pelaksanaan perniagaan dan melindungi kedua-duanya daripada penggunaan tak wajar, salah guna, kerosakan dan pembaziran.
2. Kita bertindak demi kepentingan terbaik syarikat kita. Kita tidak akan membenarkan kepentingan peribadi, kewangan atau bukan kewangan sama ada yang sebenar, yang dianggap atau yang berpotensi mempengaruhi pertimbangan kita dalam menyempurnakan tugas kita dalam syarikat. Kita tidak akan menerima apa-apa bayaran, pinjaman, hadiah, diskaun, keraian, atau manfaat lain daripada pihak ketiga, yang tujuan sebenar atau yang dianggap adalah untuk mempengaruhi keputusan kita atau mendapatkan maklumat sulit atau harta syarikat, kerana ini bukan sahaja percanggahan kepentingan tetapi juga sebagai rasuh.
3. Kita menghindari apa-apa keadaan percanggahan kepentingan sama ada yang sebenar, yang dianggap atau yang berpotensi. Apabila penghindaran tidak boleh atau tidak mungkin dilakukan, kita menzahirkan keadaan percanggahan kepentingan itu, dan mendapatkan nasihat untuk memansuhkan percanggahan itu.



Menghormati Pekerja

Menghormati Hak Asasi Pekerja

1. Kita menghormati hak asasi manusia dalam setiap aspek aktiviti perniagaan kita, dan tidak akan membenarkan amalan kerahan pekerja atau kanak-kanak.
2. Kita menyediakan semua pekerja kita dengan peluang yang saksama untuk mendapat pendidikan, pengalaman, kemahiran dan kebolehan mengikut tugas mereka. Kita juga melayan semua pekerja kita secara saksama berdasarkan pengalaman, kemahiran, kebolehan, prestasi dan potensi peningkatan mereka.
3. Kita menghargai kepelbagai dan keterangkuman di tempat kerja. Kita menerima identiti tersendiri setiap pekerja dan memupuk persekitaran kerja yang membolehkan pekerja yang berbagai-bagai bekerja bersama-sama membentuk sinergi.
4. Kita tidak akan membenarkan apa-apa bentuk diskriminasi berdasarkan kaum, keturunan, warga negara, gender, umur, kepercayaan, agama, status sosial, kecenderungan seksual, identiti gender, kekurangan upaya, dsb., dalam pekerjaan dan persekitaran kerja.
5. Kita menghormati hak setiap pekerja dan tidak akan terlibat dalam apa-apa gangguan, kesalahan atau fitnah, memalukan atau berkelakuan mengancam atau apa-apa tindakan lain yang menafikan hak asasi manusia di negara atau rantau tempat kita menjalankan perniagaan. Kita secara berterusan memeriksa kata-kata dan tindakan kita untuk memastikan tidak timbul apa-apa salah faham atau anggapan mengenai tindakan itu yang menafikan hak asasi manusia.
6. Kita menghargai semua data peribadi pekerja, dan beriltizam hanya untuk mengumpul, menggunakan, menyimpan dan menzahirkan data peribadi dalam cara yang sah, saksama, telus dan selamat. Kita memastikan penjagaan keselamatan disediakan untuk menghalang akses tanpa kebenaran, kebocoran, kehilangan dan pengubahan data peribadi.



Pengajian Pekerja secara Saksama

1. Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan buruh negara dan kawasan di mana kita menjalankan perniagaan, dan peraturan dan tatacara dalaman.
2. Kita mematuhi undang-undang dan peraturan keselamatan dan kesihatan, serta menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pekerja kita agar mereka boleh kekal sihat semasa bekerja dengan keadaan minda dan badan yang sihat.
3. Kita mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang aman dan selesa bagi setiap pekerja.



Tanggungjawab dan Aktiviti sebagai Warga Korporat

Kita menghargai hubungan berdasarkan kepercayaan dengan pelbagai pihak berkepentingan dan menyumbang kepada merealisasikan masyarakat mapan menerusi aktiviti korporat dan aktiviti sumbangan masyarakat.



Menghormati Hak Asasi Manusia

1. Kita menghormati hak asasi manusia dan memastikan kita memahami secukupnya undang-undang dan peraturan yang berkenaan di negara dan rantau tempat kita menjalankan perniagaan. Kita berusaha untuk tidak melanggar mana-mana hak asasi manusia.
2. Kita meminta kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam keseluruhan rantaian nilai dalam aktiviti perniagaan, produk dan perkhidmatan kita untuk membantu menggalakkan penghormatan hak asasi manusia dalam masyarakat umum.
3. Jika kita menerima apa-apa aduan atau saranan berkenaan hak asasi manusia daripada pelbagai pihak berkepentingan, atau kita melihat atau mendengar apa-apa perilaku yang menyalahi hak asasi manusia dalam aktiviti Kumpulan Mitsubishi Electric, kita dengan segera akan menghubungi jabatan yang bertanggungjawab agar langkah boleh diambil untuk menyelesaiannya.



Pemuliharaan Alam Sekitar

1. Kita mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar di negara dan rantau di mana kita menjalankan perniagaan, dan peraturan dan prosedur dalaman. Dengan mengekalkan sifat peka terhadap perubahan dalam masyarakat, kita sentiasa menjalankan aktiviti perniagaan kita dengan memberi pertimbangan untuk alam sekitar.
2. Bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar global disebabkan oleh aktiviti perniagaan kita, kita berusaha untuk menyelesaikan isu alam sekitar melalui pelbagai bentuk aktiviti perniagaan dan mencabar diri kita untuk membangunkan inovasi perniagaan untuk generasi akan datang.
3. Kita menggalakkan dialog, kerjasama dan penciptaan bersama yang meluas isunya dan proaktif dengan pihak berkepentingan, dan mencadangkan nilai dan gaya hidup baharu yang berharmoni dengan alam semulajadi.



Kawalan Import dan Ekspor

1. Bagi mengelakkan pemindahan produk, teknologi, perkhidmatan dan perisian syarikat kita kepada mana-mana negara, organisasi atau orang yang berpotensi untuk menggugat keamanan dan keselamatan dunia, kita mematuhi undang-undang dan peraturan, dan peraturan dan prosedur dalaman yang berkaitan, serta melaksanakan kawalan eksport keselamatan yang sewajarnya.
2. Untuk pengimportan bahan atau produk, dsb., kita membuat pengisytiharan tepat menurut undang-undang dan peraturan kastam setiap negara dan rantau.



Penentangan Gerakan Antisosial and Pencegahan Pengubahan Wang Haram

1. Kita tidak akan mempunyai apa-apa hubungan dan tidak akan menjalankan perniagaan dengan mana-mana gerakan antisosial (termasuk sindiket jenayah, penganas, pengedar dadah). Jika apa-apa permintaan dibuat oleh gerakan antisosial, kita menolak permintaan itu.
2. Kita mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai untuk pengubahan wang haram, pencegahan rasuah dan penentangan gerakan antisosial.



Penutup

Kod Tatalaku Kumpulan Mitsubishi Electric adalah kod seragam yang menyatukan dan meringkaskan undang-undang dan peraturan, dan norma masyarakat untuk dipatuhi dan dihormati oleh setiap pegawai dan pekerja Kumpulan Mitsubishi Electric dalam menjalankan perniagaan dan menentukan tindakan kita setiap hari. Dengan penyemakan Kod Tatalaku ini, kita telah mewujudkan Moto Pematuhan “Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan” sebagai pernyataan simbolik Kod Tatalaku ini. Berikut adalah ringkasan hasrat kita yang membawa kepada pembentukan Moto Pematuhan.

Memahami sebab undang-undang dan peraturan perlu dipatuhi dan dihormati adalah mudah. Bagaimanapun, apakah norma masyarakat dan apakah maksud mematuhi dan menghormati norma masyarakat?

Norma masyarakat biasanya ditakrifkan sebagai peraturan kepercayaan, sikap, dan tingkah laku tidak formal, tetapi diterima sebagai faktor yang menguasai masyarakat. Dalam erti kata lain, norma masyarakat adalah mata, harapan, dan permintaan sesuatu masyarakat. Manakala, untuk entiti korporat dan pihak berkepentingan pula, norma masyarakat dianggap sebagai aktiviti korporat yang perlu dijalankan secara saksama dan bersesuaian. Lebih tepat lagi, pelabur dan pemegang saham yakin bahawa pihak syarikat akan menyediakan dengan sempurna pernyataan kewangan, manakala, rakan perniagaan mengharapkan pihak syarikat akan benar-benar menepati janji yang dibuat dalam kontrak, dan pelanggan serta pengguna membeli produk di premis yang jujur dan telus dalam pernyataan tentang kemampuan kualiti produk.

Kita menjalankan aktiviti perniagaan bukan semata-mata bertujuan menjana keuntungan perniagaan, kita bertanggungjawab memenuhi harapan dan permintaan masyarakat dan pihak berkepentingan lain untuk melakukannya atas dasar kesaksamaan dan tanpa penipuan, serta tidak menyimpang daripada apa yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan. Hal ini dengan tepat membentuk norma masyarakat. Bukan sahaja perkara yang menyalahi undang-undang dan peraturan, tetapi penipuan yang dilakukan dalam aktiviti dan proses perniagaan kita dan penggunaan sumber yang tidak wajar juga sinonim dengan mengkhianati harapan dan permintaan masyarakat terhadap Kumpulan kita, dan penyimpangan terhadap norma masyarakat ini akan menyebabkan kerugian dan kehilangan keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan dalam Kumpulan kita.

“Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan” melambangkan sikap dan kesungguhan kita untuk mendepani harapan dan permintaan masyarakat terhadap Kumpulan kita, dan menyambutnya dengan ikhlas. Kita benar-benar berharap bahawa moto “Sentiasa Berintegriti dalam Tindakan” akan dilaksanakan setiap hari menurut Kod Tatalaku ini, dan kebanggaan yang dihasilkan daripada pengekalan standard etika tinggi akan meresap ke seluruh tempat kerja kita.


1 Jun 2021
Jawatankuasa Pematuhan Korporat
Mitsubishi Electric Corporation

Mitsubishi Electric Group Code of Conduct

Issued on March, 2024 (the 4th edition)

Issued by Corporate Legal and Compliance Division, Mitsubishi Electric Corporation

Secretariat: Corporate Legal and Compliance Division, Mitsubishi Electric Corporation



Mitsubishi Electric Group

Kod Tatalaku

